



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 551 /(1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

30 Ogos 2019
29 Zulhijah 1440 H

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TAWARAN SUBSIDI BAGI PEMBELIAN PERALATAN DAN PERISIAN UKUR OLEH LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) sentiasa prihatin terhadap keperluan Jurukur Tanah Berlesen (JTB) bagi meningkatkan keupayaan dan produktiviti JTB selaras dengan perkembangan teknologi ukur terkini.
3. Sehubungan dengan itu, Lembaga dalam mesyuaratnya yang ke-496 pada 26 Ogos 2019 telah meluluskan tawaran subsidi bagi pembelian peralatan dan perisian ukur kepada JTB bagi tahun 2019 seperti berikut:

Item	Jenis Subsidi	Kelayakan	Jumlah Subsidi
A	Peralatan dan/atau Perisian Ukur Hidrografi	JTB perlu mempunyai Sijil Hydro III atau CAT A daripada universiti yang diiktiraf	Jumlah subsidi adalah 50% berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi jumlah tuntutan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM50,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja)
B	Peralatan Ukur <i>Ground Penetrating Radar (GPR)</i>	JTB perlu mempunyai Sijil Kompetensi UUDS yang dikeluarkan oleh Lembaga	Jumlah subsidi adalah 50% berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi jumlah tuntutan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM50,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja)

C	Lain-lain peralatan dan perisian ukur	Semua JTB	Jumlah subsidi adalah 50% berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi jumlah tuntutan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM30,000 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu sahaja)
D	Peralatan Ukur GNSS	Hanya JTB yang belum pernah menerima subsidi tersebut sahaja	Pemberian subsidi adalah 50% daripada nilai harga pembelian

4. JTB dibenarkan untuk memohon pemberian subsidi bagi item A ATAU B SERTA item C dan D mengikut kelayakan.

5. JTB perlu mengisi borang permohonan seperti di **LAMPIRAN A**. Borang permohonan hendaklah sampai di Lembaga sebelum atau pada **30/9/2019**. Setiap permohonan perlu mendapat kelulusan Lembaga yang mana keutamaan akan diberikan kepada permohonan yang diterima terlebih dahulu (**first come first serve**) dan tertakluk kepada jumlah peruntukan yang ada.


6. JTB yang dikenakan tindakan tatatertib dan belum tamat tempoh satu (1) tahun hukuman tidak layak memohon. JTB yang masih mempunyai hutang tertunggak dengan Lembaga juga tidak layak memohon.

7. JTB yang menerima subsidi ini tidak dibenarkan untuk menjual atau melupuskan peralatan atau perisian tersebut dalam tempoh tiga (3) tahun. Pihak Lembaga akan menjalankan kerja-kerja pengauditan dari masa ke semasa ke pejabat JTB bagi memastikan peralatan dan perisian berkenaan berada di dalam kawalan JTB.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr ISMAIL BIN HARUN)
Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

**BORANG PERMOHONAN SUBSIDI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2019**

NAMA JTB :

NAMA FIRMA :

MAKLUMAT PERMOHONAN

JENIS SUBSIDI	NAMA PERALATAN/PERISIAN	JENAMA	HARGA (RM)

Perakuan:

Saya mengesahkan bahawa harga yang diberikan bagi setiap peralatan dan perisian di atas adalah berdasarkan harga pasaran dan sekiranya terdapat unsur penipuan maka Lembaga berhak menolak permohonan ini.

.....
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dalam Mesyuaratnya ke - 498 ***MELULUSKAN/TIDAK MELULUSKAN** permohonan ini.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(Sr ISMAIL BIN HARUN)
Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia